

KEBERKESANAN PENGGUNAAN QUIZLET DAN KAHOOT IT DALAM MEMPERKASAKAN PENGAJARAN GURU DAN MEMPERKAYA PEMBELAJARAN MURID

Nailul Azmi Ismail dan Zaleha Ahmad

Pusat Bahasa Melayu Singapura

Sekolah Rendah Park View

nailul_azmi_ismail@moe.edu.sg

zaleha_ahmad@moe.edu.sg

ABSTRAK

Penggunaan peralatan Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT) membina ruang bagi guru untuk menjalankan pengajaran pembezaan ke tahap yang lebih tinggi dan membuat penyesuaian pengajaran dengan keperluan murid. Satu kajian rintis telah dijalankan melibatkan 48 orang murid Darjah 3 dan 40 murid Darjah 4. Portal Quizlet dan portal Kahoot IT telah digunakan dalam usaha untuk memperkaya kosa kata murid. Kajian yang dijalankan sepanjang Penggal 1 dan 2 telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Penggunaan Quizlet dan portal Kahoot IT dalam bentuk latihan tubi, ulang kaji dan tugasan dalam talian telah menunjukkan murid semakin terangsang untuk mempelajari Bahasa Melayu dan memperluas kosa kata mereka. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat peningkatan dalam pencapaian murid sama ada dalam tugasan seharian, ujian kelas mahupun dalam peperiksaan. Dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan Quizlet dan Kahoot IT juga didapati memperkasakan pengajaran guru. Penggunaan Quizlet dan Kahoot IT juga didapati berjaya memupuk budaya belajar sepanjang hayat dalam kalangan murid sejajar dengan matlamat pendidikan abad ke-21.

Kata Kunci: memperkasa, Quizlet, Kahoot IT, terangsang, pembelajaran masteri

1. Pengenalan

Pembelajaran bahasa merupakan satu proses yang kompleks, bertahap dan berterusan. Melalui bahasa, manusia dapat berkomunikasi dengan lebih berkesan untuk menyampaikan kehendak, perasaan, pendapat, buah fikiran untuk mendapatkan informasi, menambah ilmu pengetahuan dan sebagainya. Sistem bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada Bahasa Melayu baku yang terdiri daripada tatabahasa, ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata serta peribahasa. Aspek tatabahasa pula merangkumi morfologi dan sintaksis manakala aspek kosa kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah yang terdapat dalam mata pelajaran yang lain pada peringkat rendah.

Dalam pembelajaran bahasa, penguasaan perbendaharaan kata atau kosa kata amat penting kerana ia merupakan asas yang diperlukan untuk menyokong pemerolehan kemahiran lain seperti kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Murid harus berusaha secara konsisten dan penuh dedikasi untuk jangka masa yang tertentu sebelum mencapai sesuatu tahap kefasihan berbahasa. Justeru, murid yang mempunyai tahap penguasaan kosa kata yang rendah tidak akan dapat memberi respons secara optimal dalam aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah. Keterbatasan dalam inventori kosa kata yang dimiliki oleh murid secara tidak langsung akan menghambat kelakonan murid dalam menguasai sesuatu bahasa lebih-lebih lagi di tahap awal persekolahan.

2. Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini seperti yang berikut:

1. meneliti keberkesanan kaedah yang digunakan dalam meningkatkan penguasaan bahasa khususnya dari segi jumlah kosa kata yang difahami oleh murid;
2. meneliti keberkesanan kaedah dalam memupuk sikap murid terhadap pembelajaran sendiri murid (self-directed learning) untuk mengembangkan potensi diri mereka; dan
3. membantu murid untuk membina keyakinan diri dan melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran di dalam bilik darjah.

3. Pernyataan Masalah

Kerencaman demografi murid yang memasuki sekolah rendah memerlukan para pendidik memenuhi keperluan titik mula pembelajaran mereka yang berbeza-beza. Salah satu cabaran yang dialami oleh murid untuk mengikuti pembelajaran di dalam bilik darjah secara efektif ialah disebabkan faktor keterbatasan kosa kata yang menghambat pemahaman. Perbezaan dari segi jumlah kosa kata yang murid kuasai bagi setiap peringkat menimbulkan jurang kecekapan yang berbeza di sekolah-sekolah. Sikap dan kecenderungan guru terhadap kepentingan pengajaran kosa kata di bilik darjah pula merupakan faktor utama yang menyumbang terhadap permasalahan ini.

Walaupun pembelajaran bahasa menyeronokkan, hal ini bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan tanpa usaha dan iltizam yang kuat dalam kalangan pendidik. Kajian ini memfokuskan pada prosedur pengajaran kosa kata dalam kalangan murid di peringkat sekolah rendah. Tinjauan yang dibuat secara rawak dalam kalangan guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu di peringkat rendah atas mendapati bahawa lazimnya pengajaran kosa kata dilakukan secara implisit di bilik darjah. Jurang dari segi jumlah kosa kata baharu yang diajar atau didedahkan kepada murid secara eksplisit bergantung kepada sikap guru terhadap tahap kecerdasan murid atau tema-tema yang dirasakan lebih mudah difahami. Perbezaan ini wujud disebabkan tiada garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk menyelaraskan daftar kosa kata yang wajib dipelajari oleh murid bagi peringkat Darjah 3 hingga Darjah 6 yang mengambil subjek Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ibunda. Tinjauan terhadap buku teks Mekar bagi Peringkat Darjah 3 dan Darjah 4 mendapati tiada bahagian glosari kosa kata yang harus dipelajari oleh murid berbanding dengan Buku Cepak Darjah 1 dan Darjah 2. Di dalam Buku Cepak terdapat bahagian Tembok Kata yang menyatakan jumlah kosa kata yang harus dipelajari oleh murid bagi setiap unit. Ini merupakan satu garis panduan yang berguna kepada para pendidik khususnya bagi penyelarasan jumlah kosa kata yang wajib diajar dan difahami oleh murid bagi kohort tersebut.

Perubahan di dalam landskap pendidikan menuntut para pendidik untuk menyuntik elemen kreativiti dalam pengajaran. Para guru digalakkan menjalankan sesi pengajaran di dalam bilik darjah dengan melakarkan aktiviti pembelajaran yang bersifat interaktif dan melibatkan murid agar mereka dapat melihat secara langsung kerelevanan pelajaran yang diikuti. Justeru menyedari potensi wadah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, pihak jabatan telah meninjau beberapa portal pendidikan yang menyediakan kemudahan latihan tubi dan unsur permainan dalam talian bagi pengajaran kosa kata di Sekolah Rendah Park View.

4. Kajian Lepas

Ertmer (1999) dan Hokanson & Hooper (2004) telah menjalankan satu kajian untuk meninjau keberkesanan penggunaan wadah ICT di dalam bilik darjah terhadap kelakonan murid. Teknologi dapat meningkatkan produktiviti, menambah motivasi, menyokong pengajaran secara tidak langsung dan meningkatkan literasi maklumat di kalangan murid (Roblyer dan Schwier, 2003). Namun terdapat juga pelbagai persoalan yang timbul berkaitan dengan pengajaran bahasa dengan menggunakan bahan ICT. Kajian Ambigapathy dan Shanti (2004) mendapati bahawa cabaran baharu dalam dunia pendidikan memerlukan penglibatan golongan pendidik secara sepadu dalam

melakarkan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dapat membentuk pesona murid yang mempunyai arah sendiri (self-directed learner).

Menurut kajian Nevin (1999) pula, teknik latih tubi yang terhasil daripada teori pembelajaran behavioris amat sesuai untuk pengajaran kosa kata, kemahiran matematik, kemahiran sains, sejarah dan geografi. Pendekatan pembelajaran masteri ini memerlukan guru untuk membahagikan sukatan pelajaran kepada unit-unit kecil agar murid dapat menerima pengajaran secara bertahap lantas dapat menguasai topik pengajaran secara berkesan. Pendekatan ini juga mengesyorkan bahawa variasi dalam pencapaian murid boleh dikurangkan melalui strategi dan teknik pengajaran yang disesuaikan untuk memenuhi pelbagai keperluan pembelajaran murid.

Latihan yang dibuat secara berulang pula akan membolehkan murid melatih kemahiran asas atau pengetahuan asas sesuatu subjek dan secara tidak langsung akan meningkatkan daya tahan dalam minda. Justeru, teknik latih tubi mengubah peranan guru di bilik darjah kerana ia memerlukan murid melakukan aktiviti secara individu. Setelah selesai satu unit pembelajaran maka guru bolehlah mentadbirkan ujian formatif untuk menilai tahap kelakonan murid. Keputusan ujian penilaian pula dapat digunakan dan dianalisis untuk membetulkan kelemahan murid dalam setiap unit pembelajaran.

Menurut Francis dan Kucera (1982) jika seseorang mengetahui perkataan yang paling kerap ditemui, maka beliau dapat memahami kandungan sesebuah teks dengan pantas. Hasil kajian ini mendapati dengan memahami 2,000 patah perkataan yang paling biasa digunakan, seseorang murid akan dapat memahami 80% daripada kandungan teks tersebut. Peratusan tersebut meningkat sehingga 96% jika merangkumi perkataan yang pernah ditemui dalam konteks pertuturan dan bacaan secara tidak formal. Lantas pengetahuan dan penguasaan kosa kata yang banyak dapat membantu penutur dalam mempelajari dan memahami sesuatu bahasa dengan lebih baik.

Portal Quizlet.com merupakan portal dalam talian yang menyediakan khidmat khusus untuk meningkatkan daya ingatan murid melalui 5 mod iaitu kad imbasan secara interaktif, latihan latih tubi, latihan mengeja, ujian formatif dan latih tubi melalui permainan interaktif. Portal yang menawarkan khidmat secara percuma ini mempunyai lebih daripada 100 juta orang ahli dan amat popular di kalangan pendidik khususnya guru-guru bahasa di merata dunia.

Portal Kahoot.it juga menawarkan khidmat percuma kepada ahlinya untuk menghasilkan ujian dalam talian dalam bentuk permainan. Khidmat penilaian secara berkumpulan ini amat menyeronokkan kerana mampu menyuntik unsur pertandingan dalam kalangan murid. Guru juga dapat mencetak analisis jawapan murid secara individu dan memuatturunkan data kelakonan kelas untuk melakukan aktiviti pemulihan susulan.

Secara umumnya kedua-dua portal latih tubi ini membolehkan murid untuk memperkukuh kemahiran atau pengetahuan mengikut tahap kecerdasan masing-masing. Ringkasan pencapaian yang disertakan setelah tamat latihan pula dapat digunakan oleh murid atau pendidik untuk merekod tahap pencapaian dan penguasaan murid. Secara tidak langsung, data ini dapat digunakan oleh guru untuk meninjau sejauh mana murid telah berjaya memahami makna kosa kata yang telah dipelajari secara sendiri dan memupuk sikap kebertanggungjawaban terhadap pembelajaran mereka sendiri.

5. Kaedah Kajian

Kajian yang dijalankan dapat dibahagikan kepada tiga tahap utama iaitu:

Tahap Tinjauan

1. Guru meninjau permasalahan dan membuat tinjauan terhadap profil dan kelakonan murid

2. Guru telah membuat pemerhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas serta menganalisis skrip jawapan ujian diagnostik pelajar.

Tahap Perancangan dan Pelaksanaan

Guru menentukan bahan pra dan pascaujian, pentadbiran ujian untuk mendapatkan informasi tentang tahap persediaan murid disusuli dengan proses melakarkan pakej kosa kata bertahap oleh pengkaji.

Tahap Pemantauan

1. Guru menjalankan sesi pengajaran menggunakan pakej Bijak Berbahasa yang telah dihasilkan.
2. Sesi pemantauan di dalam kelas dilakukan untuk mendapatkan gambaran terhadap keberkesanan setiap aktiviti yang dijalankan.
3. Markah ujian topikal digunakan untuk menilai pencapaian murid.
4. Maklum balas murid tentang keberkesanan aktiviti pembelajaran diperoleh melalui borang refleksi murid dan komen ibu bapa.

5.1 Subjek Kajian

Kumpulan sasaran terdiri daripada kohort murid Darjah 3 dan Darjah 4. Seramai 48 orang murid dari kohort Darjah 3 yang terlibat dalam program ini. Manakala untuk kohort Darjah 4, ia meliputi 40 orang murid berbilang jantina. Hasil tinjauan terhadap para murid yang telah dikenal pasti mendapati bahawa murid terdiri daripada latar belakang keluarga yang pelbagai justeru mewujudkan jurang dari segi pendedahan, pengetahuan serta penguasaan mereka terhadap bahasa Melayu.

5.2 Instrumen Kajian

Kajian ini menggabungkan penggunaan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data. Bagi pengumpulan data kuantitatif, pengkaji membuat perbandingan berdasarkan kelakonan murid semasa pra dan pascaujian yang dijalankan. Untuk memastikan data yang diperoleh konsisten, guru turut mengumpul data daripada markah ujian topikal. Sesi pemantauan di dalam kelas, lapor balik daripada borang refleksi murid dan sesi temu bual dengan guru-guru merupakan data kualitatif untuk menyokong dapatan kajian.

5.3 Prosedur Kajian Tahap Tinjauan

Guru telah melakukan tinjauan awal terhadap markah peperiksaan pertengahan tahun (SA1) yang diperoleh oleh murid bagi item-item pengetahuan (Knowledge question) dan mendapati hampir 40% peratus daripada setiap kohort tidak dapat menjawab soalan jenis pengetahuan dengan cemerlang. Pengkaji juga mendapati bahawa hampir 50% murid dari kelas berprestasi sederhana (medium performing class) gagal dalam menjawab soalan pengetahuan. Guru kemudian melakukan sesi temu bual bersama murid dan guru dan mendapati bahawa dua faktor utama yang menyumbang pada permasalahan ini adalah kurangnya pendedahan terhadap kosa kata dan ketidakupayaan memahami untuk memahami kehendak soalan.

5.4 Tahap Perancangan dan Pelaksanaan

Guru melakarkan bahan praujian dan pascaujian berdasarkan tema-tema yang terdapat di dalam Buku Teks Mekar. Kemudian, ujian praujian telah dijalankan untuk mendapatkan informasi tentang tahap persediaan murid disusuli dengan proses melakarkan pakej kosa kata bertahap oleh pengkaji.

Wiramaya bagi peringkat Darjah 3 dan 4 ditugaskan untuk membina bahan-bahan pengajaran berlandaskan ICT. Daftar kosa kata yang ditetapkan oleh setiap peringkat dijadikan bahan pengajaran secara interaktif dengan menggunakan portal Quizlet.com dan Kahoot.it. Setiap minggu 2 masa diperuntukkan untuk menjalankan pengajaran ICT dengan menggunakan kedua-dua portal dalam talian. Sebagai pengukuhan murid melakukan tugas latihan di rumah.


5.5 Tahap Pemantauan

Semasa sesi pengajaran dijalankan guru melakukan pemantauan dengan menggunakan senarai semak dan borang refleksi murid untuk mendapatkan gambaran terhadap keberkesanan setiap aktiviti yang dijalankan. Guru merekod pencapaian murid setelah tamat pengajaran. Masa yang diperuntukkan untuk melengkapkan pengajaran kosa kata ialah 3 minggu bagi setiap tema. Markah ujian topikal digunakan untuk menilai pencapaian pelajar terhadap penguasaan kosa kata baharu. Jadual pengkhususan bagi ujian topikal memperuntukkan 10 markah bagi komponen kosa kata.

6. Dapatan Kajian dan Perbincangan


Rajah 1 merupakan dapatan daripada tinjauan awal guru untuk menganalisis tahap pencapaian murid dari kedua-dua kelas Bahasa Melayu bagi setiap kohort. Murid ditempatkan di dalam kelas mengikut tahap kelakonan mereka dalam peperiksaan akhir tahun 2014 (SA2). Tinjauan ini dijalankan untuk menilai pencapaian murid dalam peperiksaan pertengahan dan akhir tahun pada tahun 2015. Dapatan awal mendapati bahawa murid dari kelas berprestasi sederhana bagi kedua-dua kohort agak lemah di dalam item pengetahuan (lazimnya kosa kata dan peribahasa) berbanding murid dari kelas berprestasi tinggi dalam peperiksaan pertengahan tahun 2015. Namun ada peningkatan dari sebanyak 15% dari segi peratusan murid yang lulus bagi item pengetahuan bagi kohort Darjah 3 dan peningkatan sebanyak 22.5% bagi kohort Darjah 4.

Rajah 1: Pencapaian Murid bagi Item Pengetahuan dalam Peperiksaan SA1 & SA2



Jadual 1: Jadual Peratusan Kelulusan Ujian Topikal bagi Murid Darjah 3


Topik	P3HP (2015) %	P3MP (2015) %	P3 – Keseluruhan %
Unit 7 : Pakaian	68.7	56.25	62.48
Unit 8 : Makanan Setempat dan Serantau	71.87	56.25	64.06
Unit 9 : Pengembaraan Titis	78.1	62.5	70.3
Unit 10 : Sayang Singapura	87.5	81.2	84.4
Unit 11 : Misi Penerokaan	71.87	62.5	67.19
Unit 12 : Mesin Masa Mini	87.5	75	81.3

Rajah 2: Pencapaian Murid Darjah 3 dalam Ujian Topikal Penggal 3 dan 4 (2015)

Hasil dapatan daripada analisis ujian topikal yang dijalankan pada penggal 3 dan 4 bagi kohort Darjah 3 mendapati ada peningkatan yang ketara dari segi peratusan murid yang lulus untuk komponen kosa kata. Peratusan murid yang lulus untuk bahagian kosa kata bagi Unit 9, 10 and 12 amat memberangsangkan. Faktor utama adalah disebabkan kandungan tema bagi ketiga-tiga unit ini yang menjurus kepada pengetahuan Sains dan alam persekitaran yang amat rapat dengan diri dan minat murid. Secara am, pencapaian bagi murid dari kelas berprestasi tinggi agak konsisten. Hampir 70% dalam kalangan murid lulus bagi semua tema yang diuji. Murid dari kelas berprestasi sederhana juga menunjukkan kemajuan yang ketara. Hampir separuh daripada murid lulus di dalam setiap ujian yang dijalankan.

Jadual 2: Peratusan Kelulusan dalam Ujian Topikal bagi Murid Kohort Darjah 4

Topik	P4HP (2015) (%)	P4MP (2015) (%)	P4 – Keseluruhan (%)
Unit 7 : Oleh-oleh dari seberang	57.6	35.71	46.7
Unit 8 : Legenda	61.5	57.1	59.3
Unit 9 : Negaraku Singapura	88.4	57.1	72.75
Unit 10 : Tokoh Kita	84.6	71.4	78
Unit 11 : Sayang-menyayangi	92.3	71.4	81.85
Unit 12 : Pengembaraan	88.46	78.5	83.9

Rajah 3: Pencapaian Murid Kohort Darjah 4 dalam Ujian Topikal Penggal 3 dan 4 (2015)

Dapatan kajian daripada analisis pencapaian murid kohort Darjah 4 bagi kelas berprestasi tinggi pula mencatatkan keputusan yang hampir sama dengan kohort Darjah 3. Hampir 75% peratus murid dari kelas berprestasi tinggi lulus dalam ujian topikal dan catatan data amat positif khususnya bagi empat unit terakhir bagi Buku Teks Mekar 4B di mana lebih 85% peratus daripada murid telah lulus dengan cemerlang. Hasil dapatan juga menunjukkan trend peningkatan yang positif secara keseluruhannya bagi kohort Darjah 4 di mana hampir 70% peratus murid lulus bagi unit 9-12.

7. Kesimpulan

Penggunaan teknik latih tubi secara interaktif menunjukkan potensi yang memberangsangkan bagi pengajaran dan pembelajaran kosa kata dalam kalangan murid. Dengan adanya pengajaran kosa kata secara bersepadu dan terancang, murid lebih terdorong untuk mempelajari kosa kata baharu. Peningkatan dari segi inventori kosa kata yang dimiliki oleh murid secara tidak langsung memberi nilai tambah terhadap kebolehan murid untuk memahami kandungan pengajaran dengan lebih baik. Pengkaji dapat membuat hubungan korelasi bahawa tahap penguasaan kosa kata dalam kalangan murid menyumbang pada peningkatan dari segi pemahaman murid dalam menangani soalan peperiksaan akhir tahun 2015. Kesan positif dapat dilihat dengan peningkatan yang ketara dari segi kelakonan murid bagi kedua-dua kohort di dalam kumpulan kajian.

Guru memainkan peranan dalam pemerolehan literasi murid di sekolah dan memainkan pengaruh yang besar dalam pencapaian, sikap, aspirasi dan motivasi murid. Oleh sebab itu murid harus diperkenalkan pada kandungan pengajaran sebelum murid menggunakan kaedah latih tubi kerana fokus pengajaran harus kepada kelancaran memahami dan mengingat pengetahuan. Kemahiran dan pengetahuan bahasa yang harus digarap dan dicapai juga perlulah dinyatakan dengan jelas kepada murid pada setiap peringkat pembelajaran. Dengan mengetahui perkara yang perlu dicapai, murid akan lebih teruja untuk terus maju ke tahap yang seterusnya.

Berdasarkan dapatan analisis kajian yang telah dibincangkan, beberapa cadangan dapat dikemukakan dengan harapan wadah ICT akan dapat memberi sumbangan ke arah peningkatan sikap positif di kalangan pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Oleh yang demikian, disarankan agar guru-guru meningkatkan usaha untuk melakarkan pengajaran yang lebih menarik serta menyuntik elemen keseronokan di dalam pengajaran Bahasa Melayu agar murid terdorong untuk mempelajari Bahasa Melayu.

Pengajaran di dalam bilik darjah juga seharusnya lebih bersifat interaktif dengan melibatkan murid agar mereka mudah mengetahui dan memahami pelajaran yang diikuti. Pada masa yang sama, guru juga harus berani dan meningkatkan efikasi diri terhadap penggunaan ICT agar lebih cekap untuk memilih bahan dan wadah pengajaran yang terbaik bagi membantu murid yang lemah dalam komponen-komponen tertentu.

Nota:

Guru-guru lain yang terlibat dalam kajian:

1. Kamarulzaman Hashim
2. Nurfarhannah Hazmi
3. Nurul Huda Abdul Wahib
4. Zubaidah Othman

Rujukan

Anglin, G. J. (2011). *Instructional technology: Past, Present, and Future* (Third edition.). Santa Barbara, California: Libraries Unlimited.

Anan Taboada & Michelle M.Buehl (2012). *Teacher's Conception of Reading Comprehension and Motivation to Read, Teachers and Teaching: Theory and Practice*, 18:1, 101-122.

Clark, Eve V. (1982). *The Young Word Maker: A Case Study Of Innovation in The Child's Lexicon*, Wanner, Eric & Gleitman, Lila R, 390 428

Ertmer, P. A., Quinn, J., & Glazewski, K. D. (2014). *The ID Casebook: Case Studies in Instructional Design* (Fourth Edition.). Boston: Pearson.

Francis, W. N. 1., Kučera, H., & Mackie, A. W. (1982). *Frequency Analysis of English Usage: Lexicon and Grammar*. Boston: Houghton Mifflin.

Hokanson, B., Clinton, G., Tracey, M. W., & Aect (2015). *Summer Research Symposium. The Design of Learning Experience: Creating the Future of Educational Technology*. Cham: Springer.

Nevin, A. (1990). *The Changing Of Teacher Education Special Education. Teacher Education and Special Education: The Journal of the Teacher Education Division of the Council for Exceptional Children*, 13(3-4), 147-148.

Melvina Chung Hui Ching & Jamaludin Badusah (2010). *Sikap Guru Bahasa Melayu Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Dalam Pengajaran Di Sekolah-Sekolah Rendah Di Bintulu Sarawak. Malaysian Journal of Education, Volume 35(Issue1), Pp 59-65. Retrieved From Jurnal Pendidikan Malaysia Http://Journalarticle.Ukm.My/143/*